

Kegagalan empat tahun lalu jadi ujian

BH 14 MAY 2000

NAIB Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata empat tahun dilaiuinya selepas gagal mempertahankan jawatan Naib Presiden menjadi ujian sebagai penyokong Umno yang baik.

“Pada 1996, saya kalah dan tidak dapat mempertahankan jawatan saya sebagai Naib Presiden. Empat tahun sudah berlalu... tetapi seperti 40 tahun lamanya. Namun, pada masa itulah saya lulus ujian sebagai penyokong Umno yang baik,” katanva.

Menurutnya, hi kerana beliau sudah menunaikan janjinya sebagai pengikut dan penyokong

Umno yang baik sebagaimana dalam ucapannya ketika Perhimpunan Agung Umno 1996.

Beliau berkata, ‘kejayaannya’ disebabkan kepercayaan yang diberikan Presiden parti yang terus memberinya peluang memegang jawatan penting dalam Kabinet.

“Selepas saya kalah (pada 1996), saya menyatakan kepada Presiden saya tidak harus duduk dalam Kabinet kerana perwakilan sudah menolak saya. Namun, Dr Mahathir menyuruh saya meneruskan tugas saya sebagai menteri,” katanya ketika menggulung perbahasan. .